

MENJELANG PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK

Mansuh cukai tanah pertanian, kediaman

Petra Jaya: Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem meneruskan komitmennya untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat negeri ini menerusi pemansuhan kutipan cukai tanah pertanian dan kediaman berkuat kuasa serta-merta, semalam.

Adenan ketika mengumumkan perkara itu, berkata ia inisiatif terbaru kerajaan negeri bagi mengurangkan kos perbelanjaan rakyat untuk membayar cukai, terutama dalam kalangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

"Merujuk kepada pengumuman dibuat pada 26 Februari lalu berhubung pemansuhan cukai tanah, saya ingin menjelaskan keputusan ini membabitkan tanah pertanian kurang 100 ekar (40 hektar), termasuk tanah kediaman di seluruh negeri.

Kurangkan beban

"Justeru, berkuat kuasa hari ini (semalam), tiada lagi kutipan cukai ke atas tanah terbabit. Malah, kita berharap langkah ini mampu mengurangkan beban ditanggung pemilik tanah berkenaan sebelum ini," katanya pada sidang media di pejabatnya di Wisma

Bapa Malaysia di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hassan dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Morshidi Ghani.

Adenan ketika mengulas lanjut, berkata keputusan itu membabitkan 360,422 geran tanah dengan kadar kutipan cukai RM8.58 juta setahun atau mewakili 19 peratus daripada keseluruhan hasil cukai tanah negeri.

"Daripada jumlah keseluruhan ini, 173,752 geran adalah tanah pertanian pekebun kecil, dengan nilai cukai RM3.62 juta, manakala 186,670 geran lagi adalah tanah kediaman membabitkan nilai cukai RM4.96 juta.

Bayar balik

"Jumlah ini adalah lapan peratus dan 11 peratus daripada keseluruhan jumlah cukai tanah untuk kedua-dua jenis tanah itu. Malah, kerajaan negeri akan membayar balik mana-mana individu yang sudah membayar awal atau terlebih bayar cukai," katanya.

Sementara itu, ketika diminta mengulas tuntutan permohonan maaf oleh Persatuan Dayak Sa-



Adenan bersama Awang Tengah menunjukkan surat rasmi pemansuhan cukai tanah pertanian di Kuching, semalam.
[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH]

rawak (PEDAS) berhubung kenya- taannya berkaitan 'Bini Iban Najib' ketika berucap pada Program Malaysia Inklusif Negara Digital (MINDA) di Tebingan Kuching, Sabtu lalu, Adenan menyifatkan

perkara berkenaan tidak seharusnya dilihat dari luar konteks.

"Ia hanya sekadar satu gurauan dan tidak perlu dilihat sebagai satu perkara yang serius. Malah, Perdana Menteri, (Datuk Seri Na-

jib Razak) sendiri ketawa mendengar gurauan itu.

"Namun, sekiranya ia menyinggung sensitiviti sesetengah pihak, saya dengan rendah hati memohon maaf," katanya.